



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
**SULTAN IDRIS**  
او نیور سیتی فندیدیقن سلطان ادریس  
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



## **PENILAIAN BAGI PENGAMBILAN CALON PROGRAM DIPLOMA TEATER BAGI AMBILAN SESI 1 2025/2026**

**DISEDIAKAN OLEH:  
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**KAEDAH PELAKSANAAN UJIAN KHAS SECARA BERSEMUKA DI PUSAT TEMUDUGA BAGI  
PROGRAM DIPLOMA TEATER**

Senarai semak dokumen. Sila tandakan (✓) pada setiap bahagian yang telah dirakam:

<b>Bil.</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Perkara</b>	<b>Sila tanda (✓)</b>
1.	<b>Bahagian A</b>	: <b>Pengenalan Diri</b>	
		Ujian Buta Warna (dijalankan oleh Pembantu Urus setia)	
2.	<b>Bahagian B (i)</b>	<b>Pengetahuan dan Pengalaman Dalam Teater</b>	
		: Calon dikehendaki menceritakan secara ringkas tentang salah seorang tokoh teater yang dikenali.	
		: Calon dikehendaki menceritakan tentang persembahan teater yang pernah ditonton secara ringkas dan padat.	
		: Calon dikehendaki menceritakan pengalaman dan penglibatan dalam bidang teater secara ringkas dan padat.	
		<b>Kelebihan dalam Komponen Seni Persembahan</b>	
		: Calon dikehendaki menceritakan kelebihan bermain alat muzik: (Nyatakan instrumen dan gred/jika anda mempunyai sebarang instrumen muzik, sila mainkan <b>SATU (1)</b> lagu sahaja), <b>ATAU</b>	
		: Calon dikehendaki menceritakan kelebihan menari: (nyatakan jenis <b>SATU (1)</b> tarian yang diketahui dan sila menari tarian tersebut), <b>ATAU</b>	
	<b>Bahagian B (ii)</b>	: Calon dikehendaki menceritakan kelebihan lain seperti menjahit/bertukang/ kemahiran elektrikal/ kemahiran multimedia/ solekan/melukis/ menari secara ringkas dan padat.	
		<b>Bakat dan Kemahiran dalam Teater (Muzikaliti)</b>	
		: Calon dikehendaki menyanyikan sebuah lagu cadangan sendiri <b>ATAU</b> memilih <b>SATU (1)</b> lagu dari senarai yang diberikan. Calon dikehendaki menyanyikan lagu pilihan tersebut tanpa irungan muzik. Calon dikehendaki menyanyikan lagu pilihan secara lengkap. ( <b>LAMPIRAN B – Senarai Lagu</b> ).	
		: Calon dikehendaki menari atau bergerak secara kreatif selama 2 minit sahaja. (Calon boleh gunakan muzik dan runut bunyi sebagai irungan).	
	<b>Bahagian B (iv)</b>	<b>Bakat dan Kemahiran dalam Teater (Improvisasi)</b>	
		: Calon dikehendaki melakonkan sebuah situasi secara spontan dengan cara improvisasi berdasarkan salah sebuah situasi di bawah ( <i>tidak melebihi 1 minit</i> )	
		: <b>Situasi 1:</b> Anda terperangkap di dalam lif. Anda cemas dan menjerit meminta tolong, <b>ATAU</b>	
		: <b>Situasi 2:</b> Anda terlalu gembira kerana telah berjumpa dengan ibu kandung anda yang telah sekian lama terpisah, <b>ATAU</b>	
		: <b>Situasi 3:</b> Anda memarahi adik anda yang sedang melawan cakap ibu anda sehingga menyebabkan ibu jatuh sakit, <b>ATAU</b>	
		: <b>Situasi 4:</b> Anda sangat menyesal dan memohon ampun kepada kedua-dua ibu bapa anda kerana tidak mendengar nasihat mereka.	

	<b>Bahagian B (v)</b>	<b>Bakat dan Kemahiran dalam Teater (Pemahaman Teks dan Penghayatan)</b>
		: Calon dikehendaki menghafal dan mendeklamasikan sajak berjudul <b>Segenggam Mawar (pada ulang tahun merdeka)</b> karya al-Marhum Sasterawan Negara Dato' Dr. Usman Awang dengan gaya, intonasi dan emosi yang bersesuaian (Sila rujuk sajak di LAMPIRAN C).
3.	<b>Bahagian C</b>	<b>Menjawab soalan dalam Bahasa Inggeris</b>
4.	<b>Bahagian D</b>	<p>i) Salinan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang disahkan.</p> <p>ii) Lima (5) salinan sijil yang berkaitan dengan kemahiran/pengalaman dalam bidang teater (jika ada) yang disahkan.</p> <p>Dokumen di atas perlu dikemukakan pada hari ujian khas dan diberikan kepada panel sebagai rujukan.</p>

## ARAHAN

1. Kod pakaian semasa menghadiri ujian khas:
  - 1.1 Kemas dan sopan.
  - 1.2 Baju T berkollar dan berseluar panjang.
  - 1.3 Baju T hendaklah dimasukkan ke dalam seluar dengan kemas.
  - 1.4 Rambut hendaklah disikat dengan kemas dan bagi perempuan yang berambut panjang, sila sanggul rambut anda dengan kemas. Pada yang bertudung, sila sisipkan tudung anda dengan kemas.
2. Soalan

Calon **WAJIB** menjawab semua soalan dalam **Bahagian A, B, dan C** dengan mematuhi arahan yang diberikan.

### 2.1 BAHAGIAN A

- 2.1.1 Calon dikehendaki memperkenalkan diri mengikut urutan senarai yang diberi:

- i. Nama
- ii. Asal
- iii. Tarikh Lahir
- iv. Umur
- v. Tinggi
- vi. Berat

### 2.2 BAHAGIAN B

#### 2.2.1 Bahagian B (i): Pengetahuan dan Pengalaman Dalam Teater

- i. Calon dikehendaki menceritakan secara ringkas tentang salah seorang tokoh teater yang dikenali. (*tidak melebihi 2 minit*).
- ii. Calon dikehendaki menceritakan tentang persembahan teater yang pernah ditonton secara ringkas dan padat. (*tidak melebihi 2 minit*).
- iii. Calon dikehendaki menceritakan pengalaman dan penglibatan dalam bidang teater secara ringkas dan padat. (*tidak melebihi 2 minit*).

#### 2.2.2 Bahagian B (ii): Kelebihan dalam Komponen Seni Persembahan

- i. Calon dikehendaki menceritakan kelebihan bermain alat muzik: (Nyatakan instrumen dan gred/ jika anda mempunyai sebarang instrumen muzik, sila mainkan **SATU (1)** lagu sahaja).

#### ATAU

- ii. Calon dikehendaki menceritakan kelebihan menari: (Nyatakan jenis **SATU (1)** tarian yang diketahui dan sila menarikkan tarian

tersebut).

**ATAU**

- iii. Calon dikehendaki menceritakan kelebihan lain seperti menjahit/ bertukang/ kemahiran elektrikal/ kemahiran multimedia/ solekan/ melukis/ menari secara ringkas dan padat (*tidak melebihi 2 minit*).

**2.2.3 Bahagian B (iii): Bakat dan Kemahiran dalam Teater (Muzikaliti)**

- i. Calon dikehendaki menyanyikan sebuah lagu cadangan sendiri **ATAU** memilih **SATU (1)** sahaja lagu dari senarai yang diberikan (sila rujuk senarai lagu di LAMPIRAN B) dan menyanyikan lagu pilihan tersebut tanpa iringan muzik secara lengkap.
- ii. Calon dikehendaki menari atau bergerak secara kreatif selama 2 minit sahaja (Calon boleh gunakan muzik dan runut bunyi sebagai iringan)

**2.2.4 Bahagian B (iv): Bakat dan Kemahiran dalam Teater (Improvisasi)**

Calon dikehendaki melakonkan sebuah situasi secara spontan dengan cara improvisasi berdasarkan salah sebuah situasi di bawah:

**Situasi 1:**

Anda terperangkap di dalam lif. Anda cemas dan menjerit meminta tolong (*tidak melebihi 1 minit*).

**ATAU**

**Situasi 2:**

Anda terlalu gembira kerana telah berjumpa dengan ibu kandung anda yang telah sekian lama terpisah (*tidak melebihi 1 minit*).

**ATAU**

**Situasi 3:**

Anda memarahi adik anda yang sedang melawan cakap ibu anda (*tidak melebihi 1 minit*).

**ATAU**

**Situasi 4:**

Anda menyesal dan memohon ampun kepada kedua-dua ibu bapa anda kerana tidak mendengar nasihat mereka (*tidak melebihi 1 minit*).

**2.2.5 Bahagian B (v): Bakat dan Kemahiran dalam Teater (Pemahaman teks dan Penghayatan)**

Calon dikehendaki menghafal dan mendeklamasikan sajak berjudul *Segenggam Mawar* (pada ulang tahun merdeka) karya Al-Marhum Sasterawan Negara Dato' Dr. Usman Awang dengan gaya, intonasi dan emosi yang bersesuaian. (Sila rujuk sajak di LAMPIRAN B).

## 2.3 BAHAGIAN C

2.3.1 Calon dikehendaki menjawab soalan berikut dengan menggunakan Bahasa Inggeris.

- i. *Please share with us about your experiences in theater and what do you know about the theater in Malaysia?*
- ii. *Who is your favourite actor or actress ? Give your reasons.*

## LAMPIRAN B (Senarai Lagu)

No	Tajuk Lagu	Penyanyi	Link Youtube
1	Bukan Lagi Kita	Nadeera	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=S4uDnNTiAdk">https://www.youtube.com/watch?v=S4uDnNTiAdk</a>
2	Umpan Jinak di Air Tenang	Dato' Ahmad Jais	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Eh2E_PHm5i8">https://www.youtube.com/watch?v=Eh2E_PHm5i8</a>
3	Semalam	Aina Abdul	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=OfV2_8fX2Ik">https://www.youtube.com/watch?v=OfV2_8fX2Ik</a>
4	Sedetik Lebih	Anuar Zain	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Ck-Bi-Uw_io">https://www.youtube.com/watch?v=Ck-Bi-Uw_io</a>
5	Patah Hati	Sudirman	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=4tTN_Yn2bc&amp;list=RD4tTN_Yn2b-c#t=57">https://www.youtube.com/watch?v=4tTN_Yn2bc&amp;list=RD4tTN_Yn2b-c#t=57</a>
6	Seri Mersing	Sharifah Aini	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=2pXvwjEuSdo">https://www.youtube.com/watch?v=2pXvwjEuSdo</a>
7	Hello	Adele	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=YQHsXMgIC9A">https://www.youtube.com/watch?v=YQHsXMgIC9A</a>
8	You Raise Me Up	Josh Groban	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=aJxrX42WcjQ">https://www.youtube.com/watch?v=aJxrX42WcjQ</a>

## LAMPIRAN C (Sajak)

### **Segenggam Mawar (pada ulang tahun merdeka)**

Bulan biru bersih  
senyum bintang-bintang berkerdip  
bersama kami di padang bertatah embun  
dalam sorak merdeka menggigit hati  
hati yang tergari dijeruji besi.

Angin yang lama di tanah ibu  
langit yang lama berwajah biru  
menyaksikan getaran  
dan getaran  
sorak kemerdekaan di bawah malam bulan Ogos.

Dan air mata pun bertitis ketika kegirangan meletus  
O, mereka yang berbakti yang telah pergi  
untukmu dan bakti terpuji ku taburi  
segenggam mawar yang tersenyum di wajah pagi.

*Karya: Tongkat Warrant 30 Ogos 195*

## MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi :
  - i. En. Amsalib bin Pisali – Penyelaras Program Diploma Teater  
Emel: [amsalib@fmsp.upsi.edu.my](mailto:amsalib@fmsp.upsi.edu.my)
  - ii. Pembantu Tadbir(P/O), Jabatan Seni Persembahan  
No. Tel: 05-450 6523/5563
  - iii. Emel : [diploma.teater@fmsp.upsi.edu.my](mailto:diploma.teater@fmsp.upsi.edu.my)
  - iv. Dr. Leng Poh Gee – Ketua Jabatan Seni Persembahan  
Emel: [lengpohgee@fmsp.upsi.edu.my](mailto:lengpohgee@fmsp.upsi.edu.my)
  - v. Hotline BHEA – 0198133850